

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk meningkatkan nilai ambang pusing ganti bercukai (*taxable turnover threshold*) yang kini berkadar RM500,000 setahun untuk tujuan GST bagi sektor bukan untung (*non-profit*).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua aktiviti bersifat perniagaan yang

dijalankan oleh sesebuah organisasi termasuk sektor *non-profit* dengan nilai bekalan bercukai yang dibuat melebihi *threshold* yang ditetapkan iaitu RM500,000 setahun perlu berdaftar di bawah GST dan GST dikenakan ke atas bekalan yang dibuat. Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula paras *threshold* RM500,000 yang telah ditetapkan. Penetapan *threshold* adalah berdasarkan nilai jualan dan bukannya keuntungan. Nilai *threshold* RM500,000 yang dicadangkan adalah didapati berpatutan. Secara puratanya *threshold* yang digunakan di negara-negara yang telah melaksanakan GST atau VAT adalah dalam lingkungan RM300,000.